

Pendapatan Pengajian
Seksyen 4 (a), ACP 1967

Tanggungjawab Majikan



Bersama
SALIHIN ABANG
CA (M), CFP, ATII, B.ACC (IIUM)
Asna Tax Services Sdn Bhd
www.salihin.com.my

BANYAK respons yang kita terima bahawa kebanyakan majikan kurang memahami tanggungjawab mereka sebagai majikan berkenaan dengan cukai pendapatan sama ada majikan atau pekerja. Daripada sumber rujukan yang diperolehi, ada majikan dan pekerja yang tidak melaporkan manfaat yang diperolehi dan elaun-elaun yang tertakluk kepada cukai. Ini menyebabkan mereka boleh didenda sebagai kurang melaporkan pendapatan.

TANGGUNGJAWAB MAJIKAN

Pada artikel kali ini kita akan membincangkan berkenaan tanggungjawab majikan dan perkara – perkara penting yang harus diketahui oleh para majikan berkenaan dengan cukai daripada sumber penggajian pekerja. Tanggungjawab majikan berkaitan cukai

pendapatan terkandung di dalam seksyen 83 Akta Cukai Pendapatan 1967. Antara lain, majikan perlulah;

- Mengemukakan butir-butir peribadi serta penggajian yang dibayar kepada setiap pekerja termasuk amaun yang dicarum kepada KWSP dan amaun cukai yang ditolak;
- Memberitahu kepada LHDN mengenai permulaan penggajian seseorang individu yang atau akan dikenakan cukai ke atas pendapatan penggajian;
- Menyerahkan notis berhenti kerja kepada LHDN tidak lewat daripada satu bulan sebelum tarikh berhenti kerja. Walau bagaimanapun, majikan tidak perlu menyerahkan notis berhenti kerja dalam keadaan berikut:

- (a) Pendapatan pekerja tertakluk kepada Potongan Gaji Berjadual (PCB) bulanan, atau
- (b) Pendapatan bulanan pekerja kurang daripada amaun minimum yang tertakluk kepada PCB bulanan;
- Memberi notis kepada LHDN jika seseorang pekerja akan atau bercadang untuk meninggalkan Malaysia dalam tempoh melebihi tiga bulan. Notis ini mestilah dibuat dalam tempoh sebulan sebelum pekerja itu berangkat meninggalkan negara; dan
- Memperuntukkan sejumlah cukai di bawah sistem PCB. Amaun ini hendaklah dipotong setiap bulan dan diserahkan kepada LHDN tidak lewat daripada hari ke-10 bagi setiap bulan.



• Berbincang boleh mengatasi sebarang masalah di pejabat

MANFAAT YANG DIPEROLEHI DARIPADA PENDAPATAN PENGGAJIAN

Seksyen 13(1)(a) di dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 menyatakan pendapatan kasar yang diperolehi seseorang pekerja termasuklah apa-apa gaji, upah, bonus, gaji cuti, komisen, gratuiti, perkuisit atau elaun (sama ada dalam bentuk wang atau selainnya) berkenaan dengan menjalankan atau mempunyai pekerjaan itu.

Seterusnya, terdapat tiga jenis faedah atau kemudahan yang boleh dinikmati daripada pendapatan penggajian iaitu perkuisit (elaun),

manfaat yang tidak boleh ditukar dalam bentuk wang (benefits in kind) dan amaun berkenaan dengan tempat tinggal (value of living accommodation). Seperti yang telah dinyatakan, ketiga-tiga jenis manfaat ini adalah termasuk di dalam pendapatan kasar pengajian dan akan dikenakan cukai sebagaimana yang terkandung di dalam seksyen 4(b) Akta Cukai Pendapatan.

- **Perkuisit atau elaun**
Perkuisit atau elaun yang terkandung di bawah Seksyen 13(1)(a) Akta Cukai Pendapatan 1967 merangkumi faedah atau kemudahan dalam bentuk wang atau yang boleh ditukar kepada wang.
- Manfaat yang tidak boleh ditukar dalam bentuk wang.

Seksyen 13(1)(b) di dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 menggariskan faedah atau kemudahan yang dinikmati (yang tidak boleh ditukar dalam bentuk wang) seseorang pekerja adalah tidak termasuk kemudahan perubatan atau pergigian, penjagaan

kanak-kanak dan tambang cuti dalam atau luar Malaysia.

- Manfaat berkenaan dengan tempat tinggal.

Seksyen 13(1)(c) di dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 menyatakan amaun berkenaan tempat tinggal yang disediakan untuk pekerja oleh pihak majikan tanpa membayar sewa atau selainnya. Ini termasuklah tempat tinggal dalam premis yang diduduki oleh majikannya.

KESIMPULAN

Tanggungjawab majikan berkenaan pendapatan pengajian terkandung di bawah seksyen 83 Akta Cukai Pendapatan 1967. Secara amnya, ada tiga faedah atau manfaat yang boleh dikenakan cukai iaitu perkuisit, manfaat yang tidak boleh ditukar dalam bentuk wang dan manfaat berkenaan tempat tinggal. Majikan dan pekerja perlu peka berkenaan faedah dan manfaat ini supaya mereka tidak dikenakan denda dan penalti oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri. **US**



• Kemudahan yang setimpal dapat menaikkan semangat pekerja

Akta Cukai Pendapatan 1967	Jenis manfaat	Contoh manfaat
Seksyen 13(1)(a)	Perkuisit (elaun)	- Tanggungan kewangan pekerja - Yuran sekolah atau tuisyen anak pekerja - Kemudahan kad kredit - Bunga pinjaman - Keahlian kelab rekreasi - Premium insuran - Tukang kebun, pemandu, pembantu rumah atau pengawal - Biasiswa - Mengenenpikan tuntutan pinjaman atau pendahuluan - Aset yang disediakan secara percuma atau dijual dengan potongan harga - Baucer pemberian - Pemberian komputer peribadi- Anugerah khidmat cemerlang - Yuran keahlian profesional - Menjelaskan cukai pendapatan pekerja
Seksyen 13(1)(b)	Manfaat yang tidak boleh ditukar dalam bentuk wang	- Kereta syarikat berserta manfaat berkaitan (petrol, pemandu) - Kelengkapan, Perkakas dan kelengkapan rumah - Aset lain bagi hiburan atau tujuan lain seperti piano, televisyen, kolam renang, sauna - Utiliti seperti air, elektrik dan telefon - Premium insuran nyawa pekerja - Telefon bimbit - Manfaat yang dikecualikan cukai seperti barang atau perkhidmatan yang dijual dengan potong harga, pengangkutan percuma, subsidi makanan dan minuman, kemudahan penjagaan anak, manfaat perubatan dan pergigian- Pakej percutian tidak melebihi tiga kali setahun dalam Malaysia atau tidak melebihi sekali setahun dan tertakluk kepada amaun RM3000 luar Malaysia
Seksyen 13(1)(c)	Manfaat berkenaan tempat tinggal	- Hanya subsidi tempat tinggal tanpa perkakas. Jika berserta perkakas, ia ditaksir di bawah seksyen 13(1)(b) - Tempat tinggal yang dikongsi